



Malaysia international Mathematical Arithmetic for Schools

53B, Jalan Bayu Tinggi 7, Taman Bayu Tinggi, 41200 Klang, Selangor D. E. Malaysia.

Tel: (03) 3325 9591 <https://mimas.my> Email: reg2mimas@gmail.com

No. Rujuk : MiMAS-01(24)

Tarikh : 18-02-2024

Guru Besar
Sekolah Rendah/Sekolah Menengah

Tuan / Puan,

PENDAFTARAN PENYERTAAN PERTANDINGAN MiMAS 2024

Berhubung dengan perkara di atas, sukacitanya dimaklumkan bahawa *Big Tree Academy Malaysia* akan menganjurkan Pertandingan MiMAS untuk murid-murid sekolah rendah dan menengah.

2. Pertandingan MiMAS merupakan suatu pertandingan yang berlandaskan pemikiran aras tinggi dan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Matematik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tujuan pertandingan adalah menguji dan menilai keupayaan murid dalam pengiraan dan menyelesaikan masalah KBAT Matematik mengikut tahap di sekolah rendah dan menengah. Pertandingan MiMAS dibahagikan kepada tiga kategori:

(i) Kategori Aritmetik - Mathematical Arithmetic Olympiad (MAO)

Tarikh: 13-05-2024 (Isnin)

Masa: 30 minit

Cara: Pertandingan fizikal

Yuran: RM 60.00 (Pihak sekolah hanya perlu membayar RM57 kepada pihak penganjur dan selebihnya digunakan sebagai perbelanjaan perkhidmatan kurier bagi pihak sekolah)

Tahap: Sekolah Rendah - Tahun 1 – Tahun 6 (sebanyak 6 tahap)

Sekolah Menengah - Tingkatan 1 – Tingkatan 6 (sebanyak 1 tahap)

Format: Peserta perlu menjawab 3 set kertas soalan pertandingan: kertas soalan A, kertas soalan B dan kertas soalan C. Masa menjawab setiap set kertas soalan adalah 5 minit dan terdapat 5 minit untuk rehat selepas menjawab antara masa setiap set kertas soalan. Masa keseluruhan pertandingan mengambil masa 25 minit.

Bahasa: Kertas Soalan adalah Trilingual (Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris)

Pertandingan Berpasukan: Jumlah peserta bagi kategori Aritmetik yang mencapai 10 orang atau lebih akan menyertai pertandingan berpasukan secara automatik. Setiap pasukan akan memilih 10 peserta dengan skor yang tertinggi. 3 pasukan mendapat jumlah skor tertinggi yang dikira dari hadapan akan menjadi johan, naib johan dan tempat ke-3 dalam pertandingan berpasukan.

Catatan: Pemenang anugerah Emas (Gold Award) akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam “*Shenmo Cup Mathematical Arithmetic International Competition*” yang akan diadakan pada 13 Julai 2024.



Malaysia international Mathematical Arithmetic for Schools

53B, Jalan Bayu Tinggi 7, Taman Bayu Tinggi, 41200 Klang, Selangor D. E. Malaysia.

Tel: (03) 3325 9591 <https://mimas.my> Email: reg2mimas@gmail.com

(ii) Kategori Matematik - Malaysia Mathematics Invitational (MMI)

Tarikh: 15-05-2024 (Rabu)

Masa: 60 minit

Cara: Pertandingan fizikal

Yuran: RM 65.00 (Pihak sekolah hanya perlu membayar RM62 kepada pihak penganjur dan selebihnya digunakan sebagai perbelanjaan perkhidmatan kurier bagi pihak sekolah)

Tahap: Sekolah Rendah - Tahun 1 – Tahun 6 (sebanyak 6 tahap)
Sekolah Menengah - Tingkatan 1 – Tingkatan 3 (sebanyak 3 tahap)
Tingkatatan 4 – Tingkatan 6 (sebanyak 1 tahap)

Format: (i) Penaakulan – Soalan objektif : 20 soalan

(ii) Keupayaan Mengaplikasi – Soalan subjektif : 10 soalan

Bahasa: Kertas Soalan adalah Trilingual (Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris)

Pertandingan Berpasukan: Jumlah peserta bagi kategori Matematik yang mencapai 10 orang atau lebih akan menyertai pertandingan berpasukan secara automatik. Setiap pasukan akan memilih 10 peserta dengan skor yang tertinggi. 3 pasukan mendapat jumlah skor tertinggi yang dikira dari hadapan akan menjadi johan, naib johan dan tempat ke-3 dalam pertandingan berpasukan.

Catatan: Pemenang anugerah Emas (Gold Award) akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam “*Malaysia Mathematics Invitational – Finals*” yang diadakan 13 Julai 2024.

(iii) Kategori Memory - Malaysia Memory Tournament (MMT)

Tarikh: 14-05-2024 (Selasa)

Masa: 30 minit

Cara: Pertandingan secara dalam talian (Online Competition)

Yuran: RM 47.00 (Pihak sekolah hanya perlu membayar RM44 kepada pihak penganjur dan selebihnya digunakan sebagai perbelanjaan perkhidmatan kurier bagi pihak sekolah)

Tahap: Sekolah Rendah (sebanyak 2 tahap) - Tahap A: Tahun 1 - 3 (T1-T3)
Tahap B: Tahun 4 - 6 (T4 - T6)

Sekolah Menengah (sebanyak 1 tahap) - Tingkatan 1 – Tingkatan 6

Bahasa: Kertas Soalan adalah Trilingual (Bahasa Melayu, Bahasa Cina dan Bahasa Inggeris)

Catatan: Pemenang anugerah Emas (Gold Award) akan dijemput untuk mengambil bahagian dalam “*Shenmo Cup Memory Competition*” yang diadakan pada 13 Julai 2024.



MiMAS

Malaysia international Mathematical Arithmetic for Schools

53B, Jalan Bayu Tinggi 7, Taman Bayu Tinggi, 41200 Klang, Selangor D. E. Malaysia.

Tel: (03) 3325 9591 <https://mimas.my> Email: reg2mimas@gmail.com

3. Pihak sekolah diminta memaparkan makluman pertandingan di papan notis sekolah atau laman web sekolah seperti Facebook, Google Site, WhatsApp dan lain-lain untuk dirujuk oleh pelajar. Pihak sekolah juga diminta melantik seorang guru untuk bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan pendaftaran penyertaan dan pengawasan pertandingan, serta menghubungi pihak penganjur. Pihak penganjur akan menyampaikan sijil penghargaan kepada pihak sekolah dan guru yang bertanggungjawab. **Tarikh tutup pendaftaran** penyertaan adalah pada 20 April 2024.

4. Pihak penganjur mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak sekolah kerana memberi kerjasama, sokongan dan bantuan kepada kami untuk menjayakan Pertandingan MiMAS. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian Tel: 03-3325 9591 / WhatsApp: 016-260 2991 (Cik Teoh) / 016-260 4593 (Cik Chai) / 016-260 2982 (Cik Tan). Pihak sekolah boleh melayari atau memuat turun maklumat pertandingan dan soalan-soalan simulasi dari sesawang: <https://mimas.my>.

Yang benar,

Goah Swee Hong

.....
GOH SWEE HONG

Pengarah

Big Tree Academy Malaysia Sdn. Bhd.

- Lampiran :
- | | |
|---|--|
| 1. Borang Penyertaan Pertandingan Sekolah | |
| 2. Borang Pendaftaran MiMAS | (Boleh fotostat sendiri) |
| 3. Poster pertandingan MiMAS 2024 | (Untuk dipaparkan di papan notis) |
| 4. Kertas Soalan Tahun Lepas | (Boleh muat turun di https://mimas.my) |